

Bekalan merosot di pasaran antarabangsa

# Dr. M jelaskan punca kurang gula sekarang

ALOR SETAR, Ahad—Kemosrotan bekalan gula di pasaran terbuka antarabangsa telah menyebabkan kekurangan bekalan bahan tersebut di negara ini sekarang, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Kata beliau, bekalan gula di pasaran telah berkurangan kira-kira 20% sejak tahun lalu mengakibatkan kenaikan harga bahan komoditi itu.

## Nafikan dakwaan

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberitahu, harga gula di pasaran antarabangsa tahun 1978 dulu hanya \$400 berbanding dengan \$2,200 satu tan hari ini.

"Sekalipun harganya setinggi begini, masih sukar untuk mendapatkan bekalannya dari pasaran kerana ketiadaan bekalan," katanya kepada ahli-ahli UMNO.

Bahagian Jitra dan Kemuning di Sekolah Kebangsaan Jitra, 13 batu dari sini.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian menafikan dakwaan kekurangan bekalan gula sekarang disebabkan penyorokan.

Menurut beliau, ketidak-tentuan harga gula di pasaran antarabangsa membawa kesan-kesan tertentu kepada harga bahan itu dalam negeri.

Timbalan Perdana Menteri memberitahu faktor utama kekurangan bekalan bahan komoditi itu di pasaran antarabangsa disebabkan sejenis penyakit yang menyerang pokok-pokok tebu dan keburukan cuaca di negara-negara penanam tebu.

Katanya, malah Negeri Thai dan Russia—dua negara pengeluar utama gula—kini terpaksa mendapatkan bekalannya dari pasaran antarabangsa kerana hasil tanamannya merosot.

Di samping itu, sikap panik membeli gula dan penyeludupan bahan tersebut ke negara-negara jiran juga salah satu faktor yang mengakibatkan kekurangan bekalan sekarang.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata di bawah keadaan sedemikian, setengah orang menambahkan jumlah pembelian mereka kerana bimbang keputusan bekalan.

"Orang-orang seperti ini akan membeli lebih banyak dari biasa dengan mengerahkan setiap anggota keluarganya membeli bahan tersebut dari berbagai kedai," tambah beliau.

## Keperluan

Katanya, kebanyakan pekedai terpaksa mengadakan jumlah jualan kepada pelanggannya untuk memastikannya setiap pelanggan mendapat bekalan bahan tersebut.

Timbalan Perdana Menteri berkata kerajaan telahpun mengambil berbagai langkah memastikan bekalan gula mencukupi untuk menampung keperluan rakyat sekalipun dalam keadaan bekalan yang berkurangan di pasaran antarabangsa.

Katanya, keluaran gula tempatan hanya dapat menampung kira-kira 10% dari jumlah keperluan negara sementara 90% lagi terpaksa dibeli dari Australia, Fiji dan pasaran dunia.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata kenalkan harga gula dan kekurangan bekalan bahan tersebut di pasaran dunia di luar kawalan kerajaan.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

No. Siri ..... 11, 465 .....  
No. Penerimaan ..... 2578/87 .....